



## **KENYATAAN MEDIA**

**YB DATUK SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR  
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**KEJADIAN KEBAKARAN DI TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM  
DI JALAN ULU YAM, GOMBAK, SELANGOR**

**14 DISEMBER 2017**

---

Saya telah mendapat aduan melalui media sosial pada 13 Disember 2017 mengenai kebakaran di tapak pelupusan sampah haram di Jalan Ulu Yam, Gombak, Selangor. Susulan maklumat tersebut, saya telah mengarahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk membuat siasatan ke lokasi kejadian dan telah dilakukan oleh JAS Cawangan Gombak pada hari yang sama.

Siasatan mendapati kawasan kebakaran adalah terletak di kawasan lereng bukit berhampiran Jalan Utara Ulu Yam – Gombak yang telah dijadikan tapak pelupusan sampah haram. Saiz kebakaran adalah dianggarkan seluas 1 ekar dengan ketinggian 20 kaki.

Kerja-kerja pemadaman masih dijalankan oleh pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan menggunakan 2 unit jentera pemadam api dan melibatkan 8 orang anggota. Pihak Bomba Dan Penyelamat juga dalam proses mendapatkan *excavator* bagi mempercepatkan proses pemadaman memandangkan sumber air yang terhad di kawasan tapak kebakaran berkenaan.

JAS menjalankan kerja-kerja pemantauan dan rondaan harian bagi memastikan tiada pembakaran terbuka baru dilakukan di kawasan kebakaran. JAS juga akan mengambil tindakan penguatkuasaan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 29 (A) kepada pemilik tanah tersebut.

### **LARANGAN KE ATAS PEMBAKARAN TERBUKA**

Di bawah Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000.00 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan. Di bawah peruntukan ini, pemilik tanah juga boleh dikenakan tindakan sekiranya mendapati pembakaran terbuka berlaku di dalam kawasan tanah miliknya.

Oleh itu, orang ramai diingatkan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil serta juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

**Datuk Seri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar**  
**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar**

**GAMBAR SIASATAN PENGUATKUASAAN YANG DIJALANKAN OLEH  
JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) CAWANGAN GOMBAK KE LOKASI  
KEBAKARAN DI TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM JALAN ULU YAM,  
GOMBAK, SELANGOR PADA 14 DISEMBER 2017**



Gambar 1: Longgokkan sampah domestik dan sisa binaan yang ditemui di kawasan kebakaran



Gambar 2: Sebahagian kawasan di tapak pelupusan sampah haram yang didapati masih lagi berasap





Gambar 3: Kawasan kebakaran yang diambil dari lereng bukit



Gambar 4: Sebahagian kawasan di tapak pelupusan sampah haram tersebut yang didapati sedang terbakar